

## **Faktor Keusahawanan dan Prestasi Kejayaan Usahawan Melayu di Pulau Langkawi, Kedah**

*Entrepreneurial Success Factors and Performance of Malay Entrepreneurs in  
Langkawi, Kedah*

Ishak Yussof ([iby@ukm.my](mailto:iby@ukm.my))  
Khairunnisa Mardzuki ([aunnisha@yahoo.com](mailto:aunnisha@yahoo.com))  
Zaimah Darawi ([zd@ukm.my](mailto:zd@ukm.my))  
Mohd Shukri Hajinoor ([shukri@ukm.my](mailto:shukri@ukm.my))  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Isu penglibatan kaum Melayu dalam sektor ekonomi negara seringkali dibincang dan dijadikan agenda utama dalam rancangan pembangunan negara. Pelbagai dasar dan strategi digubal bagi memastikan kaum Melayu tidak tertinggal dalam arus pembangunan negara, khususnya dalam sektor perniagaan. Di Langkawi, fungsinya sebagai pusat pelancongan antarabangsa dan pulau bebas cukai telah menyediakan ruang yang luas kepada masyarakat Melayu yang mendiami pulau berkenaan untuk menceburi bidang perniagaan. Kertas ini bertujuan mengenalpasti faktor yang mendorong penglibatan kaum Melayu di pulau berkenaan dalam bidang perniagaan dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan perniagaan masing-masing. Analisis yang dibuat berdasarkan data yang diperolehi melalui soalselidik ke atas usahawan Melayu yang terlibat dalam aktiviti perniagaan di Langkawi. Hasil kajian menunjukkan faktor latarbelakang responden seperti jati diri, jujur, tidak mudah mengalah, yakin dan gigih berusaha merupakan faktor penting dalam mempengaruhi kecenderungan serta kejayaan usahawan Melayu dalam bidang perniagaan masing-masing. Hasil kajian ini penting untuk menilai pencapaian dasar dan program kerajaan meningkatkan jumlah usahawan Melayu di negara ini. Kajian ini merumuskan bahawa kejayaan sesuatu program untuk menggalakkan usahawan Melayu menceburi bidang perniagaan perlu disokong oleh usaha memperkasa latarbelakang dan jati diri mereka, di samping kemahiran mengurus perniagaan dan kepimpinan.

Katakunci: keusahawanan, perniagaan, Melayu, Pulau Langkawi

### **ABSTRACT**

*Issues regarding Malays involvement in the economic sector is often discussed and frequently used as the main agenda during the formulation national development plans. Various policies and strategies designed to ensure that the Malays are not left behind in national development, especially in the business sector. As an international tourism and duty-free island, Langkawi has provided a vast opportunity for the Malays, who inhabit the island to venture into business. This paper seeks to identify factors that encourage the involvement of Malays in business and analyze factors that influence the success of their business. The analysis is based on data obtained through questionnaires administered amongst the Malay entrepreneurs engaged in business activities in Langkawi. The results showed that factors related to respondents' background such as self-esteem, honesty, not easily deterred, confident and hard working is an important factor in influencing the trend and the successful Malay entrepreneurs in their business. The findings are important for assessing the achievement of government policies and programs to increase the number of Malay entrepreneurs in the country. The study concludes that the success of a program to encourage Malay entrepreneurs to venture into business operations should be supported by strengthening their background and identity, as well as business management skills and leadership.*

*Keywords: entrepreneurial, business, Malays, Pulau Langkawi*

## PENGENALAN

Masalah penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perniagaan masih menjadi isu pokok, walaupun negara ini telah lebih 50 tahun merdeka. Masyarakat Melayu masih gagal menguasai 30% ekuti dalam aktiviti ekonomi nasional walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar, strategi dan insentif disediakan untuk membantu mereka. Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan kemuncak kepada dasar yang memberi tumpuan istimewa membangunkan ekonomi orang Melayu, termasuk dalam aktiviti perniagaan. Data terkini mengenai pemilikan orang Melayu dalam ekonomi negara masih lagi kecil walaupun pelbagai dasar dan hala tuju telah digubal oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini. Salah satu usaha yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah ialah menggalakan orang Melayu menceburi bidang perniagaan melalui program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Melalui program ini, penglibatan orang Melayu dalam bidang perniagaan dilihat semakin meningkat, namun penglibatan tersebut masih lagi rendah dan terhad kepada sektor yang kurang berpotensi serta beroperasi pada saiz kecil. Misalnya, aktiviti perniagaan orang Melayu banyak tertumpu dalam bidang perusahaan makanan secara kecil-kecilan dan hanya memberi fokus pada pasaran tempatan sahaja.

Sejarah lampau menunjukkan orang Melayu pernah menjadi pedagang yang berjaya dan mampu menembusi pasaran dunia. Namun, sejarah kegemilangan tersebut terbantut apabila Tanah Melayu mula dikuasai penjajah. Ketika zaman kesultanan Melaka, Melaka pernah muncul sebagai pusat perdagangan yang terkenal, dan ketika itu penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perniagaan, selain dari bertani, amat ketara sekali. Melaka pada waktu itu muncul sebagai bandar pelabuhan yang menjadi tempat persinggahan pedagang dari serata pelusuk dunia, termasuk pedagang dari Arab, India dan China. Penaklukan Melaka oleh Portugis, Belanda dan kemudiannya Inggeris telah memberi kesan yang besar terhadap fungsi bandar ini dan juga kemudiannya aktiviti orang Melayu. Keterlibatan orang Melayu dalam aktiviti perniagaan semakin berkurangan, sebaliknya tertumpu kepada aktiviti bertani dan penternakan.

Walaupun orang Melayu mempunyai sejarah yang gemilang dalam aktiviti keusahawanan, namun perangkaan terkini menunjukkan bahawa peratus usahawan yang berjaya masih lagi kecil. Walaupun terdapat laporan menunjukkan bahawa bilangan usahawan Melayu di negara ini semakin meningkat, namun tidak kurang juga yang menghadapi kegagalan. Usahawan lazimnya menghadapi pelbagai cabaran, bergantung kepada jenis dan saiz perniagaan, lokasi, masa, bentuk persaingan serta potensi pasaran yang wujud. Namun begitu, secara umumnya cabaran yang harus dilalui oleh seseorang usahawan boleh dibahagikan kepada diri, keluarga dan persekitaran (Yep Putih, 1985). Kejayaan dan kegagalan merupakan satu lumrah bagi individu yang bergelar ahli perniagaan. Kebanyakan kajian dan temubual yang dijalankan ke atas usahawan yang telah berjaya dalam perniagaan menunjukkan bahawa mereka ini pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan sekurang-kurangnya sekali, sebelum bangkit semula dalam perniagaan masing-masing.

Di sebalik pelbagai permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan Melayu, terdapat juga dalam kalangan mereka ini yang mampu bertahan dan telah mencapai kejayaan selaras dengan matlamat dasar pembangunan negara yang ingin meningkatkan jumlah usahawan Melayu. Sehubungan itu, adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor yang telah membawa kejayaan kepada sebahagian daripada usahawan Melayu ini agar dapat dijadikan panduan kepada usaha untuk membangunkan usahawan lain. Sebenarnya, faktor kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh pelbagai sebab samada dipengaruhi oleh faktor dalaman ataupun luaran individu tersebut (Moha Asri *et al*, 2000).

Kertas ini bertujuan menganalisis faktor yang mendorong penglibatan dan juga faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu dalam bidang perniagaan. Selain itu, kertas ini juga cuba mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa memulakan dan mengendalikan perniagaan masing-masing. Kajian ini memberi perhatian ke atas usahawan Melayu di Langkawi yang terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan. Kertas ini disusun dalam lima bahagian. Selepas bahagian pengenalan, penulisan kertas ini disusuli oleh penerangan ringkas mengenai Langkawi. Bahagian ketiga membincangkan ulasan kajian lepas bersabit dengan isu-isu keusahawanan dan masalah penglibatan orang Melayu dalam aktiviti perniagaan. Bahagian keempat menerangkan kaedah kajian ini dijalankan, dan diikuti oleh perbincangan hasil kajian. Bahagian akhir kertas ini memberikan rumusan dan implikasi dasar berhubung masalah keusahawanan dalam kalangan orang Melayu.

## LATARBELAKANG PULAU LANGKAWI

Pulau Langkawi adalah daerah di negeri Kedah yang merupakan destinasi pelancongan terkenal di peringkat antarabangsa. Ia terletak di latitude 6°21' U dan longitud 99°48' T di utara Selat Melaka

berhampiran Laut Andaman dan boleh dihubungi melalui pengangkutan air dengan menaiki feri dari Kuala Perlis, Kuala Kedah dan Pulau Pinang serta pengangkutan udara. Asalnya pulau ini didiami oleh masyarakat petani yang melakukan aktiviti pertanian berskala kecil dan nelayan tradisional yang menangkap ikan di kawasan persisiran pantai. Pulau ini telah mengalami sejarah yang panjang yang terkenal dengan ‘Sumpahan Mahsuri’ serta pernah beberapa kali diserang dan dikuasai oleh Kerajaan Siam. Kini Pulau Langkawi mempunyai penduduk seramai 103,075 orang (LADA, 2009) dan Pekan Kuah merupakan pusat pentadbiran dan perniagaan utama.

Pulau Langkawi telah mengalami pembangunan yang pesat dan dikenali sebagai destinasi pelancongan terkemuka dunia setelah diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada tahun 1987. Jika dahulu, majoriti penduduknya bekerja dalam sektor pertanian sebagai nelayan dan petani, namun secara beransur-ansur, ianya kini beralih kepada aktiviti perniagaan dan perkhidmatan. Daerah ini yang dahulunya agak mundur dan terkebelakang daripada pembangunan, kini telah bertukar wajah menjadi sebuah kawasan yang menjadi tumpuan para pelabur dan pelancong. Pihak kerajaan telah memberikan perhatian yang istimewa terhadap Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkemuka. Pelbagai agenda seperti pembentukan rancangan pembangunan, penyediaan infrastruktur, kemudahan, perkhidmatan, promosi dan pemasaran giat dilaksanakan bagi mencapai tujuan tersebut. Pihak swasta turut menyahut seruan kerajaan dengan melakukan pelbagai pelaburan dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan meliputi penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, perniagaan dan pembangunan tarikan baru. Ini disebabkan mereka berkeyakinan bahawa pelaburan yang dilakukan di pulau ini mampu menyumbang pulangan yang baik untuk perniagaan yang diceburi. Perkembangan ini telah membuka peluang yang luas kepada masyarakat Melayu yang mendiami pulau berkenaan untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya muncul sebagai usahawan yang berjaya dalam pelbagai sektor.

## KAJIAN LEPAS

Tinjauan kajian lepas menunjukkan analisis terhadap faktor kejayaan usahawan tertumpu kepada dua isu yang utama, iaitu pertama, aspek individu usahawan itu sendiri, dan kedua, aspek struktur dan persekitaran perniagaan (Martinelli 1994, Thornton 1999). Aspek yang berkaitan dengan individu usahawan memberi tumpuan terhadap aspek psikologi dan ciri-ciri dalaman yang dimiliki individu usahawan berkenaan. Manakala aspek yang berkaitan dengan struktur dan persekitaran menerangkan bagaimana struktur sosio budaya dan perkembangan semasa yang berlaku mewujudkan peluang kepada keusahawanan. Kedua-dua bentuk analisis dibuat bukan sahaja untuk menerangkan tingkah laku usahawan di peringkat mikro, tapi juga menerangkan jumlah aktiviti keusahawanan pada sesuatu masa atau tempat (Reynolds 1991).

Kajian oleh McClelland (1961) yang merupakan antara kajian terawal mengenai aspek individu usahawan mendapati bahawa dalam sesetengah masyarakat, budaya pergaulan yang wujud boleh menjadi pendorong kepada sifat keusahawanan. Kets de Vries & Manfred (1977) menyatakan bahawa ciri-ciri peribadi keusahawanan terbentuk hasil daripada kesusahan hidup yang dilalui semasa hidup. Manakala kajian oleh Delmar (2000) telah mengenalpasti ciri-ciri peribadi usahawan yang merangkumi kemampuan menghadapi risiko, kebolehan mengawal diri, toleransi terhadap sebarang kekaburan dan terlebih yakin serta ingin sifat berdikari.

Kajian dari perspektif struktur ingin memahami bagaimana aspek sosial, budaya dan faktor institusi mendorong kepada terbentuknya sifat keusahawanan. Martinelli (1994) percaya bahawa aspek budaya dan sokongan institusi, termasuk kecapaian terhadap sumber boleh menggalakkan kepada pembentukan keusahawanan. Busenitz, Gomez & Spencer (2000) turut memasukkan faktor pengetahuan mengenai institusi dan perundangan, pengetahuan mengenai bagaimana memulakan perniagaan dan mendapatkan pinjaman untuk menerangkan aspek keusahawanan. Dalam usaha untuk membangun keusahawanan, faktor institusi memainkan tiga peranan penting, iaitu memberi keyakinan kepada usahawan dengan aktiviti perniagaan yang diceburi; memberi pengetahuan kepada usahawan mengenai peluang dan potensi yang dimiliki oleh sesuatu industri; dan menyediakan jaringan sosial dan kecapaian kepada sumber (Audia and Rider 2005).

Sebenarnya, terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan seseorang usahawan di negara ini. Kajian Zuraini (2000) mengenai faktor yang mempengaruhi kemampuan usahawan bumiputera memajukan perniagaan mereka di Sungai Petani, Kedah, mendapati pengetahuan yang dimiliki, sikap usahawan itu sendiri, motivasi diri usahawan untuk berjaya, modal dan barangan yang digunakan serta etika perniagaan yang diamalkan mempengaruhi prestasi perniagaan masing-masing. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa program latihan serta kursus yang dijalankan mesti menitikberatkan keupayaan dan kesanggupan para usahawan untuk menghadirinya. Kajian Ibrahim

Mamat (2009) menyatakan bahawa matlamat adalah penentu utama kepada lahirnya sikap positif dalam diri usahawan yang berjaya. Oleh itu, sikap untuk mempelajari sesuatu yang baru dan tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan juga merupakan faktor yang mendorong kepada kejayaan seseorang usahawan. Ini membolehkan seseorang usahawan itu membuat ramalan jangka panjang mengenai amalan, peluang dan ancaman yang wujud dalam organisasi dan perniagaannya.

Menurut Norashidah Hashim, Norasmah Othman dan Noraishah Buang (2009) kebanyakan usahawan mempunyai latar belakang keluarga yang terlibat dalam bidang perniagaan yang sama. Selain itu, semua usahawan yang berjaya mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam perniagaan, diperolehi samada secara formal ataupun melalui pengalaman bekerja sebelum menjadi usahawan. Oleh itu, melalui ilmu yang diperolehi secara warisan keluarga membolehkan setiap usahawan mempunyai sikap belajar bersungguh-sungguh dalam memajukan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam perniagaan.

Hamidin (1999) menjalankan kajian tentang faktor-faktor kejayaan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) bumiputera dalam pemprosesan makanan di negeri Johor. Kajian ini memfokus kepada sejauh mana kecekapan pengusaha-pengusaha IKS bumiputera yang berjaya dalam menguruskan perniagaan mereka, khususnya dalam pemprosesan makanan di negeri Johor. Seramai 25 orang pengusaha IKS bumiputera yang berjaya telah dijadikan sampel kajian. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pengusaha tersebut mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam menguruskan organisasi perniagaan mereka. Pengusaha dapat menjalankan fungsi pengurusan, perancangan, pengorganisasian, pengawalan dan kepimpinan yang cekap. Dengan kecekapan yang ada, mereka telah dapat menguruskan perniagaan dengan teratur dan berjaya.

Seterusnya Ermi et al. (2001) menjalankan kajian mengenai keberkesanan program bantuan pinjaman yang disediakan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) dalam mengatasi masalah pengurusan modal kerja dalam kalangan pengusaha IKS bumiputera yang beroperasi di sekitar Johor Bahru. Kajian ini mengenalpasti bantuan yang diterima oleh pengusaha IKS dan perbandingan bentuk pengurusan modal kerja. Hasil kajian mendapati bahawa hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu pengurusan modal kerja dan penyertaan pengusaha IKS dalam program bantuan pinjaman yang disediakan oleh BPIMB adalah positif dan signifikan pada aras yang sederhana.

Hasil tinjauan kajian lepas mendapati, kejayaan seseorang usahawan bergantung kepada faktor dalam dan luaran yang wujud. Faktor dalaman merujuk kepada ciri-ciri diri dan personaliti individu usahawan itu sendiri serta tahap kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki. Manakala faktor luaran bergantung kepada struktur masyarakat individu berkenaan dibesarkan, faktor budaya dan amalan keluarga, persekitaran perniagaan yang wujud serta faktor sokongan institusi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada usahawan Melayu di Langkawi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dalam sektor penginapan, pengangkutan, peruncitan, pemborong, perkhidmatan dan restoran. Data diperolehi melalui soalselidik yang ditadbir ke atas 500 orang peniaga Melayu yang dipilih mengikut enam sektor perniagaan terlibat. Jumlah responden yang dipilih ditentukan mengikut senarai daftar lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pejabat Majlis Daerah Langkawi sehingga akhir tahun 2010. Kejalapangan untuk memungut data ini telah dijalankan sebanyak dua kali pada awal tahun 2011.

Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik yang disediakan mengandungi 5 bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D, E dan F. Bahagian A mengandungi soalan-soalan latar belakang responden. Bahagian B terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang perniagaan. Bahagian C pula terdiri daripada 8 soalan yang merangkumi aspek pemilikan harta manakala Bahagian D dan E masing-masing berkaitan dengan prestasi kejayaan dan faktor-faktor keusahawanan. Bahagian terakhir, iaitu Bahagian F mengandungi soalan yang bertujuan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh usahawan semasa memulakan dan semasa mengendalikan perniagaan masing-masing.

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan analisis regresi berbilang. Statistik deskriptif merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk menyusun dan membuat interpretasi terhadap data mentah (Malim & Birch, 2001). Antara teknik yang digunakan untuk menghuraikan statistik deskriptif ialah nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Selain itu, analisis regresi berbilang digunakan untuk melihat faktor utama yang mempengaruhi kejayaan usahawan Melayu di Pulau Langkawi. Berdasarkan kajian lepas model regresi berbilang untuk menganggar pengaruh faktor ke atas prestasi kejayaan usahawan boleh ditulis seperti berikut:

$$Y = \alpha + \beta_1X_1 + \beta_2X_2 + \beta_3X_3 + \beta_4X_4 + \beta_5X_5 + \beta_6X_6 + \beta_7X_7 + \beta_8X_8$$

dengan,

Y = Prestasi Kejayaan Perniagaan  
 $\alpha$  = Pemalar  
 $\beta$  = Pekali  
 X1 = Latar Belakang Diri  
 X2 = Latar Belakang Keluarga  
 X3 = Kemahiran Mengurus Perniagaan  
 X4 = Kemahiran Kepimpinan  
 X5 = Kemahiran Analitikal  
 X6 = Kemahiran Jaringan  
 X7 = Sokongan institusi/ kerajaan  
 X8 = Faktor Persekitaran

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### a) Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada sejumlah 500 responden, 59.6% adalah wanita manakala selebihnya adalah lelaki (40.4%). Kebanyakan responden berumur 36-45 tahun yang mewakili 36.2% daripada jumlah keseluruhan. Dalam lingkungan umur tersebut, kebanyakan mereka telah berkahwin dan berkeluarga (85.8%). Sebanyak 44.4% responden mempunyai bilangan anak seramai antara 3-5 orang. Namun begitu, hanya 17.0% daripada mereka mempunyai anak yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Majoriti usahawan yang ditemubual terdiri daripada penduduk asal Langkawi, iaitu sebanyak 64%. Taburan tahap pencapaian pendidikan tertinggi pula menunjukkan bahawa lebih dari separuh daripada mereka mempunyai pendidikan menengah (50.2%) dan hanya 2.0% tidak bersekolah. Kebanyakan responden (48.6%) menerima pendapatan isirumah di bawah RM2,500 sebulan. Oleh kerana responden adalah terdiri daripada para peniaga, sebanyak 81.6% daripada mereka ini menjadikan perniagaan sebagai aktiviti utama masing-masing.

Jadual 2 menerangkan latarbelakang ahli keluarga usahawan, iaitu pekerjaan ahli keluarga termasuk suami/isteri, emak, ayah, datuk, nenek dan bapa/ibu mertua. In bertujuan melihat pengaruh faktor warisan kekeluargaan, samada usahawan adalah lahir daripada faktor warisan keluarga atau melalui usaha sendiri. Didapati bahawa sebahagian besar suami/isteri kepada responden (29.6%) adalah dari kalangan peniaga, manakala ibu dan nenek kepada responden majoritinya adalah surirumah, masing-masing mewakili sebanyak 49.6% dan 30.4%. Datuk dan bapa kepada responden pula adalah terdiri daripada petani, iaitu masing-masing sebanyak 27.6% dan 43.6%.

Jadual 3 pula memaparkan penglibatan anak-anak kepada responden dalam bidang keusahawanan. Jadual berkenaan menunjukkan bahawa majoriti anak-anak pertama dan kedua melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang sama, iaitu seramai 10.6% bagi anak pertama dan 6.0% bagi anak kedua. Oleh itu, perniagaan yang dijalankan oleh responden berkemungkinan akan diteruskan oleh anak-anak masing-masing pada masa hadapan..

### b) Profil Perniagaan Responden

Majoriti usahawan di Pulau Langkawi menjalankan perniagaan dengan status pemilikan tunggal (81.8%). Kebanyakan usahawan mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan yang diceburi dan memulakan operasi perniagaan selepas tahun 2000 (66%). Majoriti responden mempunyai bilangan pekerja yang sedikit (1 hingga 10 orang) dan kebanyakan responden mengatakan bahawa modal permulaan mereka adalah lebih daripada RM10,000 dan ianya diperolehi melalui hasil wang simpanan mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan usahawan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan bergantung kepada wang yang dimiliki oleh mereka untuk dijadikan modal permulaan.

### c) Faktor-faktor Keusahawanan

Faktor-faktor keusahawanan yang menyumbang kepada prestasi kejayaan usahawan yang dikaji ialah latar belakang diri, latar belakang keluarga, kemahiran mengurus perniagaan, kemahiran kepimpinan, kemahiran analitikal, jaringan perniagaan, sokongan institusi/kerajaan dan faktor persekitaran/sejarah di Langkawi. Berdasarkan Jadual 5, min skor tertinggi diperolehi oleh faktor latar belakang diri (dengan nilai min 9.32) diikuti kemahiran analitikal (nilai min 8.38) dan kemahiran mengurus

perniagaan (nilai min 7.88). Hasil kajian mendapati, daripada 8 elemen yang dikaji, responden mempersepsikan elemen latar belakang diri sebagai paling mempengaruhi kejayaan usahawan. Latar belakang diri yang disentuh dalam kajian ini meliputi jati diri, jujur, tidak mudah mengalah, yakin setiap masalah ada jalan penyelesaian dan akan berusaha sehingga mencapai kejayaan. Min skor yang kedua tertinggi ialah kemahiran analitikal manakala yang ketiga tertinggi ialah kemahiran pengurusan. Ini bermakna bahawa latar belakang diri yang disokong oleh kemahiran analitikal dan kemahiran mengurus menjadikan usahawan itu berjaya. Didapati pula sokongan institusi/kerajaan tidaklah dipersepsikan sebagai begitu penting; faktor ini hanya mendapat min skor 4.23, iaitu yang terendah di kalangan 8 elemen faktor yang dikaji.

#### d) Prestasi Kejayaan Usahawan

Bagi menilai prestasi kejayaan usahawan di Pulau Langkawi, ciri-ciri prestasi kejayaan meliputi prestasi kewangan, kadar pusing ganti pekerja, pembukaan cawangan baru, pengurusan perniagaan, persaingan, penerimaan produk, jaringan perniagaan, penglibatan sektor lain, pasaran antarabangsa dan imej perniagaan. Jadual 6 menunjukkan bahawa penilaian prestasi yang diukur melalui peratus kejayaan tahap prestasi usahawan di Pulau Langkawi. Manakala jadual 7 pula menunjukkan sepuluh faktor yang digunakan untuk mengukur prestasi yang dicapai oleh peniaga di Pulau Langkawi. Pengukuran yang pertama ialah tentang perkembangan prestasi kewangan atau keuntungan yang memperoleh purata 66%. Peratusan ini mencapai tahap sederhana kerana dipengaruhi oleh faktor keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu. Selain itu, faktor yang mencapai tahap terendah ialah seperti faktor penglibatan perniagaan dalam sektor lain dan penerokaan pasaran antarabangsa dengan purata masing-masing 39% dan 31%.

Terdapat lima faktor yang mencapai prestasi kejayaan tertinggi iaitu faktor imej perniagaan, jaringan perniagaan, pengurusan perniagaan, kedudukan firma dalam persaingan dan faktor penerimaan pasaran terhadap kepelbagaian produk perniagaan dengan purata masing-masing sebanyak 79%, 70%, 75%, 70% dan 77%. Peratusan ini menunjukkan kejayaan yang positif dalam mempengaruhi kegiatan perniagaan mereka. Akhir sekali faktor-faktor lain mencapai tahap yang sederhana ialah skop pasaran atau pembukaan cawangan baru, kadar pusing ganti pekerja dan prestasi kewangan/keuntungan perniagaan dengan purata 45%, 41% dan 66%.

#### e) Faktor Mempengaruhi Prestasi Kejayaan Usahawan

Model Regresi Berbilang digunakan untuk mendapatkan nilai koefisien faktor utama yang mempengaruhi nilai Y iaitu prestasi kejayaan usahawan di Pulau Langkawi.

$$Y = \alpha + \beta_1X_1 + \beta_2X_2 + \beta_3X_3 + \beta_4X_4 + \beta_5X_5 + \beta_6X_6 + \beta_7X_7 + \beta_8X_8 + v$$

Dimana, Y = Prestasi

v = Ralat

$\alpha$  = Pemalar

$\beta$  = Pekali

X1 = Latar Belakang Diri

X2 = Latar Belakang Keluarga

X3 = Kemahiran Mengurus Perniagaan

X4 = Kemahiran Kepimpinan

X5 = Kemahiran Analitikal

X6 = Kemahiran Jaringan

X7 = Sokongan Institusi/Kerajaan

X8 = Faktor Persekitaran/Sejarah Langkawi

$$R^2 = 0.387$$

\*=Signifikan 99% aras keyakinan

\*\*= Signifikan 95% aras keyakinan

$$Y = 1.266 + 0.341X_1^* + 0.037X_2^{**} + 0.188X_3^* + 0.124X_4^{**} + 0.003X_5^{**} + 0.067X_6 - 0.058X_7 + 0.048X_8$$

Berdasarkan analisis yang dilakukan didapati faktor latar belakang diri merupakan faktor utama yang mempengaruhi prestasi kejayaan usahawan Melayu di Pulau Langkawi dengan nilainya signifikan pada

aras keyakinan 99% (Jadual 8). Ini diikuti oleh faktor kemahiran mengurus perniagaan yang dimiliki usahawan dan kemahiran kepimpinan yang menyumbang kepada prestasi kejayaan usahawan Melayu di Langkawi. Agak memeranjatkan bahawa faktor sokongan institusi/kerajaan bukan merupakan faktor penyumbang kepada prestasi kejayaan keusahawanan kerana keputusan kajian mendapati bahawa faktor ini adalah tidak signifikan.

## RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini boleh mencadangkan bahawa apa-apa sahaja program dan sokongan yang dilakukan oleh mana-mana pihak seharusnya menyentuh soal memperbaiki / memperkasakan latarbelakang dan jati diri serta sikap/budaya keusahawanan untuk masyarakat Melayu boleh berjaya dalam bidang keusahawanan. Latarbelakang keusahawanan ini mestilah juga disokong oleh kemahiran mengurus perniagaan dan kemahiran kepimpinan. Dalam konteks ini pihak kerajaan atau agensi-agensi swasta perlu mengadakan banyak peluang latihan dan kemahiran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan. Dari segi pengusaha sendiri, mereka perlu sentiasa memperbaiki sikap sendiri dalam menguruskan perniagaan di samping mempertingkatkan usaha bagi memajukan perniagaan.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. (2003). Prinsip Keusahawanan. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn. Bhd
- Abdul Aziz Yusof (1998). Asas-Asas Keusahawanan. Selangor: Prentice Hall (M) Sdn.Bhd.
- Audia, P. & Rider, C.I. (2005). A garage and an idea: What more does an entrepreneur need? *California Management Review*, 48(1), 6-28.
- Bonnett, C. & Furnham, A. (1990). Who wants to be an entrepreneur? A study of adolescents interested in a young enterprise scheme. *Business Times*.
- Bryers, J. (1984). *Entrepreneurship: Successfully launching new ventures*. New Jersey: Prentice Hall, 18-19.
- Busenitz, L.W., Gomez, C. & Spencer, J.W. (2000). Country institutional profiles: Unlocking entrepreneurial phenomena. *Academy of Management Journal*, 2000, 43 (5), 994-1003.
- Delmar, F. (2000). The psychology of the entrepreneur. In S. Carter and D. Jones-Evans (eds.) *Enterprise and small business: Principles, practice and policy*, Harlow: Financial Times.
- Ermi, Lee, J. & Lim, K. (2001). The Motivation of Women Entrepreneurs In Singapore. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 3, 93-110.
- Hamidin Ahmad (1999). Industri kecil dan sederhana di Johor. Dalam Laporan Kemajuan Keusahawanan, Johor.
- Ibrahim Mamat (2009). Daya saing usahawan dan syarikat melayu dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (200). Ringkasan Perangkaan Penting Mengikut Negeri, Malaysia 2000. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kawasan Sungai Petani, Kedah Dalam Memajukan Perniagaan Mereka.” Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Kawasan Sungai Petani, Kedah Dalam Memajukan Perniagaan Mereka.” Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.
- Kets de Vries & Manfred F.R. (1977). The entrepreneurial personality: A person at the cross roads. *Journal of Management Studies*, 14(1), 34-57.
- LADA. (2009). Kemajuan Langkawi dan pembangunan lestari. Langkawi: Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA).
- Malim & Bitch. (2001). Analisis data menggunakan SPSS Windows. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Martinelli, A. (1994). Entrepreneurship and management. in Smelser, N.J. and Swedberg, R. (Eds.) *The Handbook of Economic Sociology*. Princeton, N.J.: Princeton University Press.
- McClelland, D. (1961). *The Achieving Society*. Princeton NJ: Van Nostrand.
- Moha Asri Abdullah. (2000). Pembangunan industri kecil dan sederhana. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Zabid Abdul Rashid. (1996). Management practices, motivations and problems of successful women entrepreneurs in Malaysia. Dlm Low Aik Meng & Tan Wee Liang, *Entrepreneurs, entrepreneurship & enterprising*. Singapore: Addison-Wesley Publishing Company.

Nelson, O.N. & Cengiz, K. (2005). Malaysia Women Entrepreneurs: Understanding the ICT usage behaviors and drivers. *Journal of Enterprise Information Management*, 18 (6), 721-739.

Noor Aishah Buang (2002). *Asas keusahawanan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Norashidah Hashim, Norasmah Othman, Noraishah Buang. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.

Reynolds, P.D. (1991). *Sociology and entrepreneurship: Concepts and contributions*. *Entrepreneurship: Theory & Practice*, 16(2), 47-70.

Shukor bin Salleh (2003). *Peranan MARA Dalam Membantu Menjayakan Usahawan Industri Kecil Bumiputera di Johor Bahru: Kajian Ke Atas Skim Pembiayaan Am*. Projek Sarjana Muda, UTM, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Tee Kee Pei. (2000). *Kajian Penerokaan Terhadap Faktor Yang Mendorong Wanita Menceburi Diri Dalam Bidang Keusahawanan*. Projek Sarjana, UTM, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Thornton, P.H. (1999). The sociology of entrepreneurship. *Annual Reviews of Sociology*, 25, 19-46.

Timmons, J. & Spinelli, S. (2001). Moral Reasoning Skills: Are Entrepreneurs Different? *Journal of Business Ethics*, 19, 229 – 240.

Yep Putih. (1985). *Faktor Peniaga Maju dalam buku Perniagaan dan Cabaran Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraini bt. Zakaria (2000). *Faktor-faktor yang mempengaruhi kemampuan usahawan Bumiputera di kawasan Sungai Petani, Kedah dalam memajukan perniagaan mereka*. Projek Sarjana Muda, UTM, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

JADUAL 1: Profil Responden

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	202	40.4
Perempuan	298	59.6
Umur		
Kurang 25	40	8.0
26-35	133	26.6
36-45	181	36.2
46-55	98	19.6
lebih 55	48	9.6
Penduduk Asal		
Ya	320	64.0
Tidak	180	36.0
Keturunan		
Melayu Tulen	473	94.6
Mamak/India Muslim	12	2.4
Siam	1	0.2
Cina-Yunan	13	2.6
Lain-lain	1	0.2
Tahap Pendidikan		
Tidak Bersekolah	10	2.0
Sekolah Rendah	94	18.8
Menengah Rendah	47	9.4
Menengah	251	50.2
Diploma	47	9.4
Ijazah	36	7.2
Lain-lain	15	3.0
Taraf Perkahwinan		
Bujang	54	10.8
Berkahwin	429	85.8
Janda	17	3.4
Pekerjaan Utama		
Ya	408	81.6



Tidak	92	18.4
Pendapatan		
Bawah RM1,000	115	23.0
RM1,000-RM2,500	128	25.6
RM2,501-RM3,500	87	17.4
RM3,501-RM4,500	38	7.6
RM4,501-RM6,000	66	13.2
RM6,000-RM10,000	37	7.4
RM10,001-RM15,000	12	2.4
RM15,001-RM20,000	6	1.2
Lebih RM20,000	11	2.2
Bilangan anak		
Tiada anak	79	15.8
1-2	163	32.6
3-5	222	44.4
Lebih daripada 5	36	7.2
Anak Terlibat dalam Perniagaan		
Ya	85	17.0
Tidak	415	83.0

JADUAL 2: Pekerjaan Ahli Keluarga Responden

Jenis Pekerjaan	Suami/Isteri		Ibu		Bapa		Datuk		Nenek		Mertua	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tidak isi	67	13.4	25	5.0	34	6.8	95	19	93	18.6	195	39
Kakitangan kerajaan	48	9.6	21	4.2	78	15.6	19	3.8	7	1.4	33	6.6
Kakitangan swasta	99	19.8	9	1.8	23	4.6	4	0.8	2	0.4	16	3.2
Suri rumah	60	12	<b>199</b>	39.8	3	0.6	-	-	86	17.2	12	2.4
Nelayan	7	1.4	12	2.4	50	10	41	8.2	17	3.4	24	4.8
Petani	14	2.8	64	12.8	<b>126</b>	25.2	<b>174</b>	34.8	<b>137</b>	27.4	<b>88</b>	17.6
Penternak	1	0.2	2	0.4	1	0.2	5	1	4	0.8	5	1
Tidak bekerja	18	3.6	55	11	47	9.4	35	7	45	9	28	5.6
Peniaga	<b>142</b>	28.4	95	19	95	19	62	12.4	44	8.8	55	11
Lain-lain	44	8.8	18	3.6	43	8.6	65	13	65	13	44	8.8

JADUAL 3: Jenis Pekerjaan Anak Responden

Jenis Pekerjaan	Anak 1		Anak 2		Anak 3		Anak 4		Anak 5	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tidak isi	328	65.6	367	73.4	414	82.8	454	90.8	476	95.2
Kakitangan kerajaan	24	4.8	7	1.4	4	0.8	6	1.2	1	0.2
Kakitangan swasta	27	5.4	24	2.8	16	3.2	5	1.0	4	0.8
Suri rumah	5	1.0	5	1.0	-	-	-	-	1	0.2
Nelayan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Petani	4	0.8	1	0.2	-	-	-	-	1	0.2

Penternak	-	-	-	-	1	0.2	-	-	-	-
Tidak Bekerja	41	8.2	47	9.4	35	7.0	18	3.6	8	1.6
Peniaga	53	10.6	30	6.0	18	3.6	11	2.2	2	0.4
Lain-lain	18	3.6	19	3.8	12	2.4	6	1.2	7	1.4

JADUAL 4: Profil Perniagaan Melayu di Langkawi

Bil	Perkara	Perincian	Kekerapan	Peratusan
1).	Tahun perniagaan beroperasi	a). Sebelum 1987 b). 1987-2000 c). Selepas 2000	28 142 330	5.6% 28.4% 66%
2).	Jenis aktiviti perniagaan	a). Penginapan b). Peruncitan c). Pemborongan d). Pengangkutan/Pembuatan e). Restoran f). Perkhidmatan	29 214 14 32 132 79	5.8% 42.8% 2.8% 6.4% 26.4% 15.8%
3).	Status Perniagaan	a). Perniagaan Tunggal b). Perkongsian c). Syarikat Sdn.Bhd d). Syarikat Bhd. e). Lain-lain	409 22 67 1 1	81.8% 4.4% 13.4% 0.2% 0.2%
4).	Pendapatan bersih perniagaan	a). Bawah RM 1,000 b). RM 1,000-RM2,500 c). RM2,501-RM3,500 d). RM3,501-RM4,500 e). RM4,501-RM6,000 f). RM6,000-RM10,000 g). RM10,001-RM15,000 h). RM15,001-RM20,000 i). lebih RM20,000	68 95 55 35 54 65 44 15 69	13.6% 19% 11% 7.0% 10.8% 13% 8.8% 3% 13.8%
5).	Bilangan pekerja	a).Sepenuh masa (full time) i). tiada ii). 1-10 iii). 11-20 iv). 21-30 v). lebih 30 b).Separuh masa (part time) i). tiada ii). 1-10 iii).11-20 iv). Lebih 30	201 281 11 4 3 394 104 1 1	40.2% 56.2% 2.2% 0.8% 0.6% 78.8% 20.8% 0.2% 0.2%
6).	Modal perniagaan	a).Modal permulaan i). Kurang RM 1,000 ii). RM 1,001- RM 5,000 iii). RM 5,001-RM 10,000 iv). Lebih RM 10,000 b).Modal terkumpul kini i). Kurang RM 1,000 ii). RM 1,001- RM 5,000 iii). RM 5,001-RM 10,000 iv). Lebih RM 10,000	77 114 92 217 115 35 57 293	15.4% 22.8% 18.4% 43.4% 23% 7.0% 11.4% 58.6%

JADUAL 5: Taburan Min Faktor Keusahawanan

Faktor Keusahawanan	Min Skor
1. Latar Belakang Diri	9.32
2. Latar Belakang Keluarga	4.98
3. Kemahiran Mengurus Perniagaan	7.88
4. Kemahiran Kepimpinan	7.58
5. Kemahiran Analitikal	8.38
6. Jaringan Perniagaan	7.60
7. Sokongan Institusi/Kerajaan	4.23
8. Faktor Persekitaran/Sejarah di Langkawi	7.09
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>7.13</b>

JADUAL 6: Taburan Min Prestasi Kejayaan Perniagaan

Kedudukan prestasi	Peratus kejayaan
Tinggi	Lebih daripada 70%
Sederhana	41- 69 %
Rendah	Kurang 40 %

JADUAL 7: Penilaian Prestasi Kejayaan

Pernyataan	Skor Min	Sisihan piawai	Peratus (%)
Prestasi kewangan atau keuntungan perniagaan daripada setahun lepas hingga kini.	6.56	2.109	66
Kadar pusing ganti pekerja	4.10	3.010	41
Skop pasaran atau pembukaan cawangan baru.	4.48	3.171	45
Pengurusan perniagaan sehingga kini.	7.50	2.262	75
Kedudukan firma dalam persaingan	6.96	2.456	70
Penerimaan pasaran terhadap kepelbagaian produk perniagaan.	7.73	2.172	77
Jaringan perniagaan	7.05	2.530	70
Penglibatan perniagaan dalam sektor lain.	3.88	3.106	39
Penerokaan pasaran antarabangsa.	3.07	2.810	31
Imej perniagaan	7.86	2.165	79

JADUAL 8: Keputusan Analisis Regresi

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.266	.631		2.005	.046
	Jati Diri	.341	.066	.235	5.152	.000
	Asal - Keluarga Usahawan - Terdorong/Mewarisi sikap	.037	.024	.063	1.525	.128

Tahu Kedudukan Kewangan Dan Modal	.188	.052	.171	3.598	.000
Ciri Kepimpinan Yang Membantu Dalam Perniagaan	.124	.050	.127	2.475	.014
Berupaya Menganalisis Kedudukan Perniagaan	.003	.060	.003	.053	.958
Jaringan Perniagaan Yang Boleh Dipercayai	.067	.043	.073	1.562	.119
Ikut Pelbagai Bentuk Latihan Untuk Tingkatkan Kemahiran Keusahawanan	-.058	.026	-.093	-2.244	.025
Kedudukan Langkawi - Pulau Peranginan - Mendorong Ceburi Bidang Perniagaan	.048	.032	.062	1.517	.130

Dependent Variable: Prestasi Perniagaan;  $R^2 = .387$